



LENGKAP: Pelbagai barang keperluan harian terdapat di Medan Supermarket dan Departmental Store di Sibiyu Utama Jalan North South Bintulu.

Pasar raya serba lengkap permudah penduduk patuhi PKP

Oleh Abang Izzat Abang Sa'ud

KEBANYAKAN penduduk lebih senang untuk mendapatkan barang makanan keperluan asas di premis-premis pasar raya berdekatan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh kerajaan sejak 18 Mac lalu dan kini dilanjutkan 28 April, namun terpaksa juga turun ke pusat bandar sekiranya tiada stok barang dijual di pasar raya sedia ada.

Melihat kepada situasi itu, *Utaman Borneo* telah menghubungi beberapa penduduk berkenaan situasi tersebut yang sukar untuk dielakkan ketika tempoh PKP sehingga kenderaan banyak bergerak keluar dan berlaku kesesakan jalan raya semasa menuju ke pusat bandar.

Pegawai Tadbir di Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) Siti Rajanah Abdul Aziz, 34, berkata, premis pasar raya yang berdekatan dengan kediaman amat memudahkan untuk membeli barang keperluan namun terpaksa juga ke pusat bandar sekiranya stok barang yang diperlukan tiada dijual di pasar raya yang sedia ada.

"Kalau untuk pembelian barang basah seperti ikan, ayam dan sayur, saya selalunya membeli barang tersebut di Pasar Ikan Sebiaw dan untuk barang dapur lain saya mendapatkannya di pasar raya tertentu seperti pasar raya di pusat bandar atau berdekatan kawasan kediaman," katanya di sini, semalam.

"Memandangkan saya tinggal di Kidurong, saya kadang-kadang mendapatkan barang dapur di pasar raya berdekatan Kidurong yang baharu dibuka yang banyak memberi kemudahan kepada penduduk berdekatan."

Ujarnya, pasar raya yang didirikan berdekatan kediaman sememangnya memberi manfaat besar semasa tempoh PKP ini tetapi stok barang yang pelbagai perlu diperbanyakkan contohnya keperluan makanan bayi seperti susu, lampin bayi dan sebagainya dengan harga pula perlu berpatutan atau murah memandangkan penduduk akan lebih suka tertumpu di pasar raya yang menyediakan pelbagai barang keperluan dengan harga murah.

Tidak dinafikan katanya, barang basah seperti sayur-sayuran dan buah-buahan agak baik dan segar dijual tetapi barang-barang kering termasuk biskut serta barang dapur lainnya kadang-kadang kehabisan stok dan pembeli juga tidak banyak pilihan untuk mendapatkan barangan yang ada.

"Sekiranya kepelbagaian barang dipertingkatkan di pasar raya berdekatan, saya melihat akan ramai orang berkunjung dan membeli di pasar raya tersebut terutama pada tempoh PKP ini," tambahnya.

Berkenaan Pasar Nelayan Kidurong di Pantai Muhibbah (Pantai ABF) katanya, pembukaan pasar nelayan itu amat disokong dan amat baik tetapi tidak banyak pilihan untuk mendapatkan hasil laut berbanding pasar ikan di pusat bandar yang operasinya dibuka dari jam 1 hingga 5 petang.

Beliau yang bekerja di rumah semasa tempoh PKP turut menyatakan mengenai kesukaran semasa dipanggil pihak pengurusan untuk menghadiri mesyuarat pent-



SHARIFAH



SAIFULNIZAL



TERKESAN: Sharifah Zalifah tetap melakukan kerja dari rumah untuk kerja-kerja mereka bentuk kad perkahwinan, kad perniagaan, pelekat dan sebagainya namun kerja di lapangan terjejas dengan banyak majlis perkahwinan yang mengguna perkhidmatannya dibatalkan pada masa PKP.



SIBUK: Gambar semasa urus niaga di Pasar Nelayan Kidurong di Pantai Muhibbah (Pantai ABF) sebelum negara dilanda wabak dan sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mana kini pasar nelayan itu dibenar terus beroperasi tetapi mengikut peraturan penjarakan sosial di bawah PKP.

untuk membawa penumpang," katanya.

TIADA MASALAH

Dalam pada itu, turut spendapat ialah Sharifah Zalifah Syed Noh, 35, yang tiada masalah untuk mendapatkan barang keperluan dapur memandangkan kawasan kediaman berdekatan pasar raya di pusat bandar di bahagian ini dan tidak timbul masalah kesesakan serta tidak perlu menempuh sekatan jalan raya.

"Kalau hendak menggunakan perkhidmatan 'runner' untuk membeli barang pun dapat tetapi saya lebih suka membeli sendiri ke pasar raya yang ada memandangkan kediaman berdekatan," katanya yang telah berkahwin dengan seorang pekerja luar pantai dan tinggal di Kampung Assyakirin di sini.

"Tiada masalah bagi saya untuk mendapatkan barang keperluan dapur kerana pasar raya berdekatan juga ada menjual ikan dan sayur-sayuran segar," katanya yang bekerja sendiri sebagai peraka grafik dan jurugambar bebas di bahagian ini.

Memandangkan dalam tempoh PKP sekaligus perlu akut dan mematuhi peraturan dikuatkuasakan kerajaan dan

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memutus rantaian penularan COVID-19 katanya, dalam tempoh ini beliau tidak dapat melakukan apa-apa kerja luar berkaitan dan kini hanya duduk di rumah sahaja (*#stayathome*) dan pendapatan juga agak terkesan memandangkan banyak majlis perkahwinan pada masa PKP ini dibatalkan.

Begitupun katanya, untuk perniagaan membuat reka bentuk kad perkahwinan, kad perniagaan, pelekat dan sebagainya ia masih berjalan seperti biasa.

"InsyaAllah pendapatan tetap ada walaupun agak kurang dari biasa dan keadaan itu turut sama juga terkesan dilalui oleh orang lain."

"Pandemik COVID-19 yang melanda negara dan seluruh dunia pada hakikatnya turut membawa kesan kepada permintaan dalam perniagaan yang saya jalankan," katanya.

TAMBAH STOK

Kakitangan Bahagian perkhidmatan pelanggan Saifulnizal Gusni, 37, berkata, beliau membeli barangan keperluan setiap dua minggu bergantung dengan keadaan stok di rumah.

"Tetapi pada masa PKP ini saya lebih senang membeli makanan dibungkus dari luar sebab masih bujang."

"Apabila rasa hendak makan dengan segera saya akan menggunakan perkhidmatan 'runner' dan kadang-kadang ada juga masak masakan di rumah."

"Masa PKP ini saya turut menantikan mengenai kepentingan menjaga pemakanan dan kadang-kadang saya turut makan biskut dan makanan ringan lain," katanya sambil menambah, langkah itu bertujuan untuk berjimat dan memastikan stok makanan tidak terputus memandangkan pergerakan keluar rumah agak terhad semasa PKP.

Peraturannya katanya, semasa membuat pembelian di sebuah pasar raya, pelanggan perlumencijil pemeriksaan suhu badan, orang ramai yang membeli barang dikawal dan dihadkan dalam jumlah tertentu un-



MENJADI TUMPUAN: Pasar penjualan ikan dan hasil laut di Pasar Utama Bintulu.

tuk memasuki premis sebagai langkah penjarakan sosial.

"Sekiranya mengguna khidmat penghantaran hanya bayar selepas terima (COD) atau bayaran secara dalam talian melalui perbankian internet yang bukan sahaja mudah bahkan membantu dalam penjarakan sosial," jelasnya.

Beliau yang tinggal di sebuah kuarters di sini berkata, semasa hari-hari bekerja dalam tempoh selangar beliau dibenar untuk bekerja di luar namun tetap mematuhi penjarakan sosial di bawah PKP.

Mengulas mengenai kesesakan yang berlaku di beberapa jalan menuju ke pusat bandar Saifulnizal berkata, kemungkinan ada yang telah bekerja semula untuk operasi perniagaan tertentu lebih lagi

bandar Bintulu merupakan tumpuan bagi pusat perindustrian untuk minyak dan gas, kelapa sawit, baja, perkhidmatan perhotelan dan sebagainya.

"Saya melihat sektor perkhidmatan beroperasi semula mengakibatkan berlaku kesesakan di jalan raya terutama semasa sekatan jalan raya oleh pihak polis dan tentera di barisan hadapan yang akan memeriksa setiap kenderaan untuk memastikan tiada yang melanggar PKP," jelasnya.

Begitupun katanya, penduduk yang tiada kepentingan atau tiada keperluan penting untuk berada di luar rumah sebaiknya mematuhi PKP dengan duduk di rumah kerana pematuan itu akan membawa kebaikan kepada semua bagi mencegah penularan wabak COVID-19.

Walaupun ia memberi kesan kepada operasi kerja dan ekonomi katanya, keadaan itu merupakan ujian besar kepada semua orang yang tidak

hanya dirasai oleh penduduk di negara ini terutamanya di Bintulu bahkan di seluruh dunia.

"Jadi *#stayathome* *#kitajagakita* adalah lebih baik dan biarlah petugas barisan hadapan membuat kerja mereka untuk menangani wabak ini dengan cara kita membantu mereka ialah dengan duduk di rumah."

"Kita perlu ada rasa kasihan dan penghargaan kepada petugas barisan hadapan ini yang bertungkus lumus berkorban untuk memutuskan rantaian wabak ini namun ada juga segelintir yang masih berdegil dengan ingkar arahan PKP," katanya.

Katanya, pengorbanan kita pula ialah dengan duduk di rumah dan kurangkan pergerakan di luar rumah supaya kerja-kerja petugas barisan hadapan ini akan lebih ringan dan tidak terlalu membantukan mereka.



SITI

TETAP BEKERJA: Siti Rajanah melakukan kerja pejabat di rumah semasa tempoh PKP.